



KEMPEN KESIHATAN: Antara program kesihatan yang diadakan sepanjang 10 hari pelajar FMHS UMS di Kg Sinisian.

Pelajar FMHS UMS adakan kempen kesihatan di Kg Sinisian

UB 14.10.2019 3

Oleh Yap Siong Han

KUNDASANG: Seramai 16 pelajar perubatan dan jururawat dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FMHS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kempen kesihatan selama 10 hari di Kampung Sinisian di sini baru-baru ini.

Ketua Rombongan Nazmirrudin Nasirrudin berkata, sepanjang tempoh kempen berkenaan mereka berjaya mengenal pasti masalah kesihatan yang membelenggu penduduk setempat iaitu masalah tekanan darah tinggi

akibat daripada kurangnya kesedaran orang kampung terhadap kepentingan menjaga kesihatan.

“Kami mendapati ramai kanak-kanak suka makan makanan ringan seperti minuman dalam tin yang manis berbanding makan makanan sihat.

“Pada hari ketiga kempen ini, kami mengambil inisiatif melakukan program berkaitan kesihatan bertemakan diet seimbang dan pengambilan gula sewajarnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Selain itu, beliau men-

jelaskan pelbagai aktiviti berfaedah turut diadakan untuk menggalakkan kanak-kanak di kampung berkenaan untuk sedar akan pengambilan makanan harian yang sihat.

Katanya, program kesihatan seperti ceramah, saringan kesihatan, pameran dalam pelbagai lagi diadakan bagi memberikan kesedaran kepada penduduk kampung bahawa pentingnya menjaga kesihatan masing-masing.

“Selain program kesihatan, aktiviti seperti hari sukan, lawatan rumah ke rumah, gotong-royong dan pemeriksaan kesihatan turut diadakan

di kampung ini.

“Kg Sinisian adalah sebuah perkampungan yang sangat cantik dan indah yang di- anugerahkan alam semula jadi yang menarik,” katanya.

Katanya, walaupun kampung berkenaan berhadapan dengan masalah bekalan air, tetapi ia masih menjadi satu destinasi persinggahan yang baik kepada rombongannya.

“Ramai dalam kalangan penduduk di sini tidak mempunyai masalah dalam berkomunikasi memandangkan mereka mampu bertutur dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Dusun,” katanya.